

Headline **BAHARU**
Date **29 Jul 2011**
MediaTitle **Media Hiburan**
Section **NEWS**
Journalist **N/A**
Frequency **Weekly**
Circ / Read **86,000 / 258,000**

Language **Malay**
Page No **79**
Article Size **364 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **1,446**
PRValue **4,337**



BAHARU-BAHARU ini, penyanyi dari Kuching, Dayang Nurfaizah telah pun mengadakan persembahan konsert mini bersempena dengan pelancaran album studio terbaharunya yang berjudul 'Sayang Dan Cahaya'. Persembahan yang diadakan selama satu setengah jam itu menyaksikan Dayang mengalunkan lagu-lagu popularnya selain beberapa seleksi lagu dari Hollywood.

Sementara itu, selain mempromosikan album tersebut, Dayang juga turut mengambil inisiatif dengan membantu penghidap HIV dan Aids dengan kerjasama AIDS Foundation dan Maybank. Ditanya mengenai perkara tersebut, Dayang mengakui akan kesedaran melakukan kebajikan buat yang memerlukan dan pada masa sama, penonton dapat berhibur sambil beramal.

Berkongsi mengenai aktiviti seninya selepas ini, Dayang baharu sahaja mengadakan persembahan khas di Victoria Arms, Kuching khusus untuk mempromosikan album berkenaan.



Dayang hadir dengan album studio terbaharu.

PROGRAM: Sayang & Cahaya Showcase
TARIKH: 2 Julai 2011
TEMPAT: Hard Rock Cafe, Kuala Lumpur
ARTIS TERLIBAT: Dayang Nurfaizah



Para peminat terpujau dengan persembahan Dayang.

